

## PM sumbang RM113,000, 42 lembu di masjid, surau Parlimen Indera Mahkota

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan sumbangan Aidiladha sebanyak RM113,000 serta 42 ekor lembu kepada 29 masjid dan 13 surau di Parlimen Indera Mahkota, kelmarin.

Anwar menerusi perkongsian di laman Facebooknya berkata, sumbangan itu disampaikan oleh Setiausaha Politik-

nya, Ahmad Farhan Fauzi yang mewakili beliau mengadakan pertemuan dengan ahli jawatankuasa masjid dan surau bagi kawasan Parlimen itu.

"Semoga masyarakat Indera Mahkota dapat menjalani ibadah korban pada tahun ini dengan penuh kesyukuran, insya-Allah," menurut catatan itu.



Ahmad Farhan menyampaikan sumbangan Aidiladha kepada 29 masjid dan 13 surau di Parlimen Indera Mahkota, kelmarin. (Foto Facebook Anwar Ibrahim)